

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [ SETIAWANGSA ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tentang jumlah pemohon yang berjaya dan masih menunggu untuk mendapatkan bantuan bulanan JKM pada tahun 2020 dan 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebanyak 72,890 permohonan bantuan kebajikan telah diluluskan pada tahun 2020. Manakala sehingga Julai 2021, sebanyak 43,105 permohonan telah diluluskan dan sebanyak 9,738 permohonan masih dalam siasatan. Semua permohonan bantuan diproses berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan JKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN**  
**ISMAIL [PANDAN]**  
**TARIKH : 05 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [ PANDAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan data tahun manakah yang digunakan bagi penentuan kelayakan penerimaan bantuan-bantuan yang diberikan kepada rakyat, strategi tambahan yang dilakukan bagi memastikan “kesilapan pengecualian” (*exclusion error*) pada tahap paling minimum, dan jumlah rakyat dan jumlah amaun bagi setiap bantuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa **meneruskan agenda prihatin rakyat melalui pelbagai bantuan yang diumumkan**. Antara program bantuan tunai langsung yang dilaksanakan sejak wabak COVID-19 melanda negara adalah **Bantuan Sara Hidup atau BSH, Bantuan Prihatin Nasional atau BPN, Bantuan Prihatin Rakyat atau BPR, Bantuan Khas Covid-19 atau BKC dan Bantuan Kehilangan Pendapatan atau BKP**.
2. Pada tahun 2020 sahaja, sebanyak **5 bilion ringgit telah disediakan bagi pelaksanaan BSH yang memanfaatkan hampir 4.5 juta penerima dan 18 bilion ringgit untuk BPN kepada hampir 11 juta penerima**. Pada tahun 2021 pula, sebanyak **9.6 bilion ringgit telah disediakan bagi pelaksanaan BPR, 4.6 bilion ringgit untuk BKC dan 0.5 bilion ringgit bagi BKP**, menjadikan jumlah **bantuan tunai langsung bagi tahun 2021 berjumlah hampir 15 bilion ringgit untuk hampir 11 juta penerima**. Bantuan-bantuan ini telah memberi banyak kelegaan kepada rakyat, terutamanya dalam meringankan beban perbelanjaan harian di samping antara lain sebagai modal untuk berniaga kecil-kecilan.
3. Setiap permohonan bantuan ini akan melalui proses verifikasi kelayakan dan akan disemak silang dengan **data terkini** daripada 25 Agensi Kerajaan, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bendahari Negeri, bagi memastikan bantuan diberi kepada kumpulan sasaran yang ditetapkan terutamanya golongan yang terjejas akibat wabak COVID-19.
4. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mengurangkan *inclusion and exclusion errors*, *dengan izin*, dalam pelaksanaan BPR termasuk mengurangkan golongan sasaran yang tidak berdaftar, Kerajaan telah melaksanakan **inisiatif pendaftaran secara automatik bagi**

**permohonan BPR** yang melibatkan data daripada tujuh agensi Kerajaan, iaitu:

- **Penerima e-Kasih di bawah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri,**
- **Penerima bantuan orang kelainan upaya di bawah Jabatan Kebajikan Malaysia,**
- **Penghuni Perumahan Awam atau Projek Perumahan Rakyat di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL),**
- **Orang Asli yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Orang Asli,**
- **Gelandangan berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan DBKL,**
- **Ibu tunggal berdaftar dengan KPWKM, dan**
- **Penerima Skim Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah PERKESO.**

5. Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menambah baik jaringan keselamatan sosial negara dalam jangka sederhana supaya ia lebih menyeluruh dan terangkum bagi mengurangkan penindanan fungsi dan menambah baik penggunaan sumber yang terhad. Ia juga untuk memastikan strategi bersesuaian untuk semua bantuan Kerajaan lebih berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan, terutamanya golongan yang benar-benar terjejas akibat wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.